

30/06/2002

`Kepentingan' Pendang, Anak Bukit bagi Umno, Pas

Kadir Dikoh

DUA pilihan raya kecil membabitkan kerusi Parlimen Pendang dan Dewan Undangan Negeri (DUN) Anak Bukit di Kedah yang diadakan serentak pada 18 Julai ini bakal memberi mesej dan makna besar dalam sejarah politik negara, baik kepada Barisan Nasional mahu pun Pas.

Pertama; ia diadakan ketika proses peralihan kepemimpinan bermula dalam Umno dan kerajaan, kedua; bagi mengukur kekuatan Umno setelah sokongan terhadap parti itu dikatakan semakin pulih.

Ketiga; menilai sejauh mana keupayaan Pas di bawah pimpinan baru Datuk Seri Abdul Hadi Awang selaku pemangku Presidennya, berikutan kematian Datuk Fadzil Noor pada 23 Jun lalu. Keempat pula sejauh mana keberkesanan kerjasama gabungan parti pembangkang.

Kelima, ia bakal memberi gambaran pertembungan secara langsung di antara Barisan Nasional (BN) dan pembangkang terutama Pas bagi menghadapi pilihan raya umum akan datang, sekurang-kurangnya dalam usaha BN merampas semula Kelantan dan Terengganu.

Malah, BN mahu mendapatkan semula kerusi Anak Bukit itu yang pernah dimilikinya sebelum pilihan raya umum 1999, bagi memperoleh majoriti dua pertiga di Dewan manakala pembangkang pula mahu menafikan majoriti itu.

Pada masa ini, BN menguasai 23 daripada 36 kawasan DUN di Kedah manakala Pas 12 dan satu kerusi milik Parti Keadilan Nasional (Keadilan).

Sejarah kemenangan BN dalam hampir semua pilihan raya kecil selepas pilihan raya umum lalu kecuali Lunas, tidak boleh dijadikan ukuran secara mutlak kerana isu kali ini agak berlainan serta mempunyai gambaran yang lebih besar.

Nescaya, kempen lapan hari yang diperuntukkan bermula selepas hari penamaan calon 10 Julai ini, agak getir, lebih-lebih lagi ia diadakan di Kedah - negeri kelahiran Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi yang baru-baru ini dinamakan oleh Perdana Menteri sebagai penggantinya dalam tempoh 16 bulan akan datang, bertindak selaku Pengerusi Jawatankuasa Pilihan Raya Kecil BN bagi kedua-dua kerusi itu.

Naib Presiden Umno, Tan Sri Muhammad Muhd Taib pula dilantik sebagai penyelaras manakala Menteri Besar Kedah, Datuk Seri Syed Razak Syed Zain, pengarah pilihan raya.

Beberapa faktor yang disenaraikan itu akan dijadikan isu dalam kempen selain isu sampingan seperti hak istimewa orang Melayu, penggunaan bahasa Inggeris untuk mata pelajaran Sains dan Matematik serta kuota kemasukan bukan Bumiputera ke Maktab Rendah Sains Mara (MRSM) serta program matrikulasi.

Isu mengenai hukum hudud yang mahu dilaksanakan oleh kerajaan Pas Terengganu juga dijangka menghangatkan lagi kempen dalam usaha meraih sokongan.

Apa pun, Abdullah pasti turun padang dan berkampung di Pendang dan Anak Bukit, seperti mana lazim dilakukannya dalam kempen beberapa pilihan raya kecil sebelum ini.

Pada pilihan raya umum 1999, Fadzil memenangi kerusi Parlimen Pendang setelah menewaskan calon BN, Datuk Othman Abdul dengan majoriti 2,934 undi manakala di DUN Anak Bukit, Allahyarham mendapat majoriti 1,840 undi mengalahkan seorang lagi calon BN, Datuk Abdullah Hasnan Kamaruddin yang ketika itu selaku penyandang.

Mengikut rekod, Fadzil pernah bertanding merebut kerusi Parlimen Pendang

beberapa kali tetapi gagal sehinggalah pada 1999 itu, mengetepikan Othman selaku penyandang.

Ketika itu, isu berkisar kepada Datuk Seri Anwar Ibrahim memang hebat selain BN terpaksa berdepan dengan gabungan pembangkang serta perpecahan dalam Umno itu sendiri.

Kini isu itu sudah hampir tiada dan tumpuan pula lebih kepada peralihan kuasa dalam Umno dan kerajaan.

Nescaya, pilihan raya kecil ini menjadi ujian getir kepada Umno seperti mana dinyatakan oleh Naib Presidennya, Datuk Seri Najib Tun Razak kelmarin.

"Ia bagi membolehkan kita melihat sejauh mana proses pemulihan politik (sokongan kembali kepada Umno) sudah menjadi realiti, dan sejauh mana ia dapat diterjemahkan pada pilihan raya kecil kali ini," kata Menteri Pertahanan itu.

Mengikut daftar pemilih terkini, kawasan Pendang mempunyai 53,128 pengundi berdaftar termasuk 170 pengundi pos. Kawasan Anak Bukit pula mempunyai 19,399 pemilih berdaftar termasuk 20 pengundi pos.

Jika ramai yang menangis setelah Dr Mahathir mengumumkan peletakan jawatannya Sabtu lalu dengan menyatakan sokongan kepada beliau untuk terus memimpin, maka mereka juga terutama rakyat di Pendang dan Anak Bukit, perlu menterjemahkan kepada undi sebagai tanda sayang kepada pemimpin.

Jika mereka menyatakan sokongan kepada Abdullah untuk menggantikan Dr Mahathir, nyatakan sokongan itu dalam bentuk undi.

Andainya penyokong Pas di Pendang dan Anak Bukit tidak suka kepada Abdul Hadi untuk memimpin Pas, nyatakan protes itu dalam bentuk undi.

Allahyarham Fadzil adalah pelawat setia klinik Maha milik Dr Mahathir di Alor Star beberapa dekad lalu dan mereka sebenarnya dah lama berkawan tetapi dipisahkan oleh perbezaan fahaman politik.

Fadzil dengan Abdullah juga kawan. Kedua-dua tokoh negara itu juga mengunjungi Allahyarham ketika menerima rawatan di HUKM di Cheras tempoh hari. Malah, Abdullah sendiri turut berkejar ke hospital itu sebaik mendengar kematian Fadzil.

Dr Mahathir juga pasti akan berbuat demikian jika ketika itu beliau berada dalam negara. Tapi sayang, ketika berita itu diterimanya, jet yang membawa beliau dan rombongan sudah berada di lautan pasifik pada paras ketinggian lebih 5,000 meter di udara dalam perjalanan ke Dubai, seterusnya ke Itali, Ahad lalu.

Kini sokongan kepada Umno sudah pulih dan dua pilihan raya kecil itu akan menguji sejauh mana mereka boleh bekerjasama. Apakah pilihan raya kecil itu nanti juga dijadikan medan oleh pemimpin tertentu dalam Umno untuk menguji populariti terutama di barisan pelapis kedua?

Bagi menjamin kejayaan BN, setiap ahli Umno mesti bekerja keras untuk mendapatkan keyakinan dan sokongan pengundi di kawasan berkenaan, tanpa ada agenda tertentu yang boleh memecahkan ahli parti.

Kemenangan BN pada pilihan raya kecil yang terbaru iaitu DUN Ketari, tidak boleh dijadikan ukuran sangat. Sebelum ini, BN juga menang dalam pilihan raya kecil DUN Sanggang di Pahang, pada 1 April 2000, di Telok Kemang, 10 Jun tahun lalu, tetapi pembangkang menang di Lunas pada 29 November tahun yang sama.

Selepas itu, pembangkang terus gagal, termasuk pada pilihan raya kecil Likas, Sabah pada 21 Julai tahun lalu, diikuti kalah teruk pada pilihan raya negeri Sarawak, 29 September tahun lalu dan seterusnya di Indera Kayangan, 19 Januari lalu.

BN terutama di Kedah tidak harus menganggap kerusi Parlimen Pendang dan DUN Anak Bukit yang dikuasai Pas sebagai mustahil untuk dirampas. Jika diteliti, undi majoriti yang diperoleh bekas Allahyarham Fadzil dalam pilihan raya umum 1999 tidaklah sebesar mana.

Kemenangan BN di Ketari baru-baru ini antara lain disebabkan oleh kerapuhan pakatan pembangkang untuk menghadapi jentera pilihan raya BN.

Kalau pilihan raya umum lalu mereka sehati sejiwa untuk menumbangkan BN tetapi kini ia bagai retak menanti belah akibat ketidaksefahaman dan ketiadaan jentera pilihan raya bersepadu.

Tetapi petugas BN di Pendang dan Anak Bukit tidak harus memandang ringan ancaman daripada Pas itu. Abdullah sendiri menyatakan bahawa pilihan raya kecil itu akan menyaksikan persaingan sengit.

"Ini kerana BN akan berusaha gigih untuk merampas balik kedua-dua kerusi pilihan raya itu manakala Pas pula akan berbuat apa saja untuk mempertahankannya," kata beliau dalam dalam sidang akhbar selepas menemui BN Kedah dan jawatankuasa perhubungan Umno negeri di kediaman rasmi Menteri Besar Kedah, Mentaloon, di Alor Star, semalam.

(END)